

Hubungi segera bilik gerakan

KOSMO
16/1

KUALA LUMPUR – Mangsa-mangsa banjir yang terputus hubungan pengangkutan diminta segera menghubungi Bilik Gerakan Banjir Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Menterinya, Datuk Shahrizat Jalil berkata, mereka yang memerlukan bantuan keperluan asas seperti makanan, minuman dan pakaian diminta menghubungi terus bilik gerakan tersebut.

"Saya meminta kerjasama semua mangsa banjir supaya menghubungi Bilik Gerakan Banjir KPWKM di talian 03-26970031," katanya dalam satu kenyataan akhbar semalam.